

Dr. Mahathir

layak temu Pope' Paul II

— Prof. Ali

11 JUN 2002

KUALA LUMPUR 5 Jun — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad merupakan pemimpin paling layak mewakili umat Islam untuk bertemu pemimpin tertinggi Katolik, Pope John Paul II di Vatican City berikutan imej Malaysia sebagai negara Islam paling berjaya di dunia masa kini.

Pengarah Institut Kajian Kebudayaan Sejangat, Universiti Binghamton, Amerika Syarikat (AS), Prof. Ali Mazrui berkata, pertemuan tersebut amat dinantikan dan bakal menjadi fokus utama masyarakat Islam dan Kristian di dunia.

Menurut beliau, pertemuan itu sekali gus menafikan wujudnya permusuhan antara dua umat terbesar iaitu Islam dan Kristian.

"Pope memilih Dr. Mahathir untuk mengadakan pertemuan kerana merasakan pemimpin Malaysia itu paling layak untuk mewakili masyarakat Islam antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja bertajuk 'Islam dan Barat: Perang Dingin Era Baru?' pada persidangan Meja Bulat Asia Pasifik di sini hari ini.

Ali seterusnya berkata, Islam tidak pernah memusuhi penganut agama lain sebagaimana yang digembar-gemburkan media Barat.

Bekas Menteri Luar Thailand, Dr. Surin Pitsuwan juga menyifatkan Malaysia sebagai negara Islam paling berjaya di dunia yang perlu dijadikan model oleh negara Islam lain.

Malah, tegas beliau, Barat perlu memandang kepada Malaysia yang dipimpn oleh orang Islam yang mencapai kejayaan tinggi dalam pelbagai bidang terutama teknologi komunikasi maklumat (ICT).

"Malaysia berjaya mengatasi pelbagai ancaman yang berlaku termasuk menghadapi globalisasi yang sedang melanda dunia," jelasnya.

Sementara itu, Presiden Just World (JUST), Dr. Chandra Muzaffar berkata, AS gagal membuktikan faktor keganasan berpunca daripada orang Islam.

Pihak Washington, katanya, melakukan banyak kesilapan apabila menuding jari kepada negara Islam selepas peristiwa 11 September.

Sedangkan, jelas beliau, satu kajian yang dibuat oleh Jabatan Negara AS menunjukkan 51 peratus keganasan di negara tersebut dilakukan oleh rakyat Colombia yang bukan beragama Islam.

"Dalam hal ini, Kesatuan Eropah (EU) perlu memainkan peranan untuk membetulkan persepsi AS bahawa umat Islam bukan penganas," jelasnya.